

TEKS UCAPAN PERASMIAN HARI ANUGERAH KOKURIKULUM

Terima Kasih kepada Saudara Pengerusi Majlis,

Yang Berusaha _____

Penolong Kanan HEM _____

Penolong Kanan Kokurikulum, _____

Barisan guru-guru kanan, guru-guru dan pelajar-pelajar sekalian.

Assalamualaikumwarahmatullahiwabarakatuh dan Salam Satu Malaysia.

Bersyukur kita kerana pada pagi yang mulia ini dapat kita bersama-sama berkumpul bagi meraikan _____, bagi tahun _____. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih atas kesudian pihak sekolah menjemput saya menghadiri majlis yang gilang-gemilang ini. Majlis seperti ini amat baik dijadikan sebagai acara tahunan kerana ia memberi pengiktirafan kepada mereka yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam bidang ko-akademik dan juga kokurikulum. Selain memberi pengiktirafan, majlis ini juga turut akan menyuntik semangat kepada pelajar-pelajar lain untuk meningkatkan pencapaian masing-masing.

Pelajar sekalian,

Memperkasakan pelbagai ilmu pengetahuan, memberi penekanan dalam bidang sukan dan kokurikulum serta penerapan pelbagai kemahiran dalam kalangan para pelajar menjadi agenda utama bagi sesebuah sekolah. Walaubagaimanapun, penguasaan ilmu

dan berketrampilan sahaja tidak mencukupi seandainya faktor nilai - nilai murni tidak dijadikan pedoman. Nilai-nilai agama dan moral serta semangat perpaduan inilah yang akan memberi pedoman kerana ia mengandungi nilai yang baik untuk para pelajar bagi menempuh kehidupan yang penuh cabaran.

Pelajar yang dikasihi sekalian,

Saya yakin SMK _____ akan dapat melahirkan generasi pewaris kepemimpinan negara yang memiliki semangat perpaduan dan semangat kesukanan, mencakupi pelbagai rutin kehidupan dan berketrampilan dalam pelbagai bidang. Hal ini kerana kita tidak mahu melahirkan ulat buku yang hanya cemerlang dari segi akademik semata-mata, sebaliknya generasi yang seimbang perkembangannya dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual, mempunyai disiplin diri yang tinggi, berketrampilan, dan mampu memainkan peranan dalam masyarakat. Gandingan mantap antara semua pihak akan menjadikan SMK _____ lebih beraspirasi untuk meningkatkan pencapaian kokurikulum pelajar agar terus cemerlang.

Hadirin sekalian,

Akhir sekali, saya mengucapkan tahniah kepada pihak sekolah yang telah menganjurkan majlis anugerah ini dengan jayanya. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pelajar serta guru-guru yang menerima anugerah kokurikulum ini. Harapan saya agar sekolah ini akan terus mencipta dan mengukir kejayaan dalam semua bidang yang sedang dan yang akan diceburi. Dengan lafaz BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM, dengan sukacitanya saya merasmikan 'Hari Anugerah Cemerlang Kokurikulum' SMK _____ bagi tahun _____ .

Sekian, terima kasih.